

Jabatan Pertanian sentiasa komited



TELUK MUROH – Kursus asas membuat baja organik bersama Pejabat Pertanian Daerah Manjung mendapat sambutan daripada penduduk di sekitar Kampung Padang Tembak, Kampung Tersusun Pundut dan Kampung Teluk Muroh di sini.

Program anjuran Perpustakaan Desa Kampung Padang Tembak, merupakan aktiviti bulanan bagi mengisi masa terluang penduduk kampung di samping mempelbagaikan fungsi dan peranan perpustakaan.

Menurut Pembantu Pertanian, Jabatan Pertanian Kawasan Sitiawan, A Hadi Kamil Ismail, kursus yang dijalankan merupakan susulan daripada program pertama Bumi Hijau yang dijalankan pada 31 Januari 2009 yang lalu.

Katanya, Jabatan Pertanian sebelum ini telah mengajar peserta-peserta cara menyemai sayuran dan penyediaan tanah campuran yang betul.

“Hasil daripada semaian tersebut, kini tunas pokok sudah dapat dilihat tumbuh dengan baik dan subur,” katanya ketika ditemui sebelum memulakan taklimat kepada peserta di Perpustakaan Desa, Kampung Padang Tembak, dekat sini.

Menurutnya lagi, peserta-peserta kursus akan diajar teori dan amali cara yang betul agar tanaman yang ditanam tumbuh dengan baik.

“Sebelum ini, ada di kalangan peserta yang cuba menanam pokok sayuran tetapi bukan dengan kaedah yang betul, sebab itulah ada kalanya tanaman mereka menjadi dan ada kalanya tidak,” katanya kepada Sinar Harian.

Menyentuh mengenai kursus yang diajar kali ini, A Hadi berkata, peserta akan diajar mengenai kaedah tanaman semula jadi iaitu kaedah tanaman tanpa menggunakan bahan kimia sintetik.

“Kali ini peserta akan didedahkan dengan penggunaan baja berasaskan tanaman iaitu Jus Pemeraman Tanaman (FPJ). Sebagai contoh, penggunaan batang dan jantung pisang boleh digunakan sebagai baja kerana ia mudah mereput malah mampu menggantikan baja kimia,” katanya.

Selain tanaman, A Hadi berkata, buah-buahan yang masak juga boleh dijadikan baja dan kaedah itu dipanggil sebagai Jus Pemeraman Buah (FFJ).

“Yang terakhir, peserta juga akan diajar membuat baja yang berasaskan ikan (FFA). Semua kaedah yang diajar merupakan cara mengitar semula bahan buangan. Secara tidak langsung alam kita akan terpelihara daripada pencemaran,” katanya.

Menurut A Hadi, peserta mampu menjimatkan belanja dapur seharian malah lebih mahir membuat baja daripada bahan buangan domestik daripada dapur mereka.

Pada program tersebut, peserta yang hadir turut menerima kit Bumi Hijau yang mengandungi baja seberat dua kilogram, biji benih seperti terung, bendi, cili dan bayam.

Sehubungan itu, A Hadi berharap, visi Jabatan Pertanian untuk memindahkan teknologi pertanian kepada petani ataupun masyarakat setempat akan tercapai dengan jayanya.

“Kami berharap dapat melahirkan usahawan tani yang berjaya dan memberi latihan kepada pengusaha-pengusaha pertanian untuk meningkatkan hasil tani mereka,” katanya yang berpuas hati dengan kerjasama peserta yang diberikan dalam program berkenaan.

Dalam perkembangan yang berkaitan, A Hadi berharap jika masyarakat setempat mempunyai persoalan ataupun permasalahan berkaitan pertanian agar merujuk kepada Jabatan Pertanian yang berhampiran.

Penduduk sambut baik kursus buat baja

TELUK MURUH – 49 peserta yang mengikuti kursus asas membuat baja organik bersama Pejabat Pertanian Daerah Manjung anjuran Perpustakaan Desa Kampung Padang Tembak, dekat sini, menyambut baik usaha yang dilakukan jabatan itu.

Menurut Bendahari Perpustakaan Desa Kampung Padang Tembak, Musthafa Maidin, 60, program seumpama itu mampu memberi manfaat disamping menambah ilmu pengetahuan penduduk setempat.

Program seperti ini dijalankan setiap bulan di sini dan akan melibatkan pelbagai peringkat umur bergantung kepada minat dan permintaan aktiviti yang hendak dijalankan” katanya kepada Sinar Harian.

Ketika ditanya mengenai sambutan orang ramai terhadap kursus yang dijalankan, Musthafa berpuas hati terhadap kerjasama yang diberikan oleh penduduk. “Peserta bukan sahaja di beri pendedahan yang betul tentang sesuatu pengajaran, malah dalam masa yang sama mereka dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama peserta;” katanya.

Menurutnya, pihak perpustakaan desa sentiasa komited dalam merencana program yang hendak dijalankan bagi memanfaatkan masa penduduk kampung dan kursus yang dianjurkan itu mampu memberi idea baru kepada peserta dalam meningkatkan ekonomi sampingan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Tersusun Pundut, Mohamad Tahir Hashim berkata, selain boleh dimakan, ia juga boleh dijual kepada orang lain dan secara tidak langsung ia mampu menjimatkan perbelanjaan harian.

Beliau berharap agar golongan belia khususnya dapat menyertai kursus-kursus yang diadakan pada masa-masa akan datang. “Tidak salah menambah ilmu yang telah sedia ada kerana ia mampu menjana ekonomi di samping memberi peluang kepada belia untuk menerokai industri tanaman dikala keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini,” katanya.